



KUMPULAN  
WANG AMANAH  
NEGARA

LAPORAN  
TAHUNAN  
BAGI TAHUN  
BERAKHIR  
31 DISEMBER 2019

2019

5

0

2



# KANDUNGAN

- 2** ▶ Keperluan Berkanun
- 3** ▶ Perutusan Pengerusi
- 5** ▶ Ahli-Ahli Panel
- 12** ▶ Maklumat Latar Belakang
- 13** ▶ Laporan Pengurus Dana
- 16** ▶ Prestasi dan Kedudukan Kewangan
- 19** ▶ Penyata Kewangan Yang Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019:
  - 19** ◊ Sijil Ketua Audit Negara
  - 22** ◊ Penyata Ahli Panel
  - 23** ◊ Pengakuan oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab  
Ke Atas Pengurusan Kewangan
  - 24** ◊ Penyata Kedudukan Kewangan Yang Disatukan
  - 25** ◊ Penyata Prestasi Kewangan Yang Disatukan
  - 27** ◊ Penyata Perubahan Dana Terkumpul Yang Disatukan
  - 28** ◊ Penyata Aliran Tunai Yang Disatukan
  - 29** ◊ Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

# **KEPERLUAN BERKANUN**

Mengikut peruntukan Seksyen 11 dan 12 Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988, Panel Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) telah mengemukakan kepada YAB Menteri Kewangan satu naskah Laporan Tahunan ini berserta dengan satu salinan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 yang telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara.

## PERUTUSAN PENGERUSI

Pada tahun 2019, saiz dana Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) meningkat kepada RM19.2 bilion daripada RM17.4 bilion pada tahun sebelumnya meskipun menghadapi keadaan pasaran yang mencabar. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh lebihan tahunan sebanyak RM789 juta serta sumbangan PETRONAS sebanyak RM1 bilion. Pendapatan terutamanya terdiri daripada pendapatan faedah sebanyak RM609 juta, pendapatan dividen sebanyak RM52 juta, bahagian keuntungan daripada Putrajaya Holdings sebanyak RM142 juta dan keuntungan bersih daripada pelaburan dan emas berjumlah RM87 juta. Walau bagaimanapun, sebahagiannya diimbangi oleh kerugian bersih penilaian semula tukaran matawang asing sebanyak RM70 juta yang disebabkan oleh pengukuhan nilai matawang Ringgit berbanding kebanyakan matawang yang dilaburkan.



Sepanjang tahun, Panel KWAN telah menumpukan aktiviti-aktivitinya kepada pengukuhan keseluruhan pengurusan dan operasi KWAN bagi menangani cabaran yang sedang dan akan dihadapi di masa hadapan, termasuk meningkatkan pengawasan dan tadbir urus dana. Bagi meningkatkan pulangan dana, kelulusan telah diperolehi untuk memperhalusi komposisi kelas-kelas aset dan matawang bagi Portfolio Global KWAN untuk tahun 2020 dan 2021. Komposisi baru ini bertujuan untuk mengurangkan kemerosotan pulangan portfolio global dan dijangkakan dapat menghasilkan pulangan lebih baik yang disesuaikan dengan risiko.

Sebagai sebahagian daripada strategi KWAN untuk mempelbagaikan risiko pelaburan, Program Pengurus Dana Luaran bagi Amanah Pelaburan Hartanah (REITs) global dan pelaburan ekuiti global dijangka akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2020 selepas memperolehi kelulusan untuk melabur dalam asset-asset tersebut. Pengurus dana luaran telah dilantik untuk memanfaatkan kepakaran mereka dan menghasilkan pulangan keseluruhan yang lebih baik.

Sejak penubuhannya pada tahun 1988, PETRONAS kekal sebagai penyumbang tunggal dana KWAN, dengan sumbangan terkumpul sebanyak RM10.3 bilion sehingga 2019. Panel KWAN telah meningkatkan usaha untuk menambah sumber dan mempercepatkan pertumbuhan dana bagi memastikan objektif jangka panjang dalam mengekalkan kemampunan dana dapat dicapai demi faedah negara dan generasi akan datang.

Panel KWAN telah mengadakan mesyuarat sebanyak dua kali pada tahun 2019 iaitu pada 17 Mei dan 30 September, untuk mengkaji dan membincangkan prestasi keseluruhan dana KWAN dan menentukan strategi dan hala tuju pelaburan dana. Usaha turut dilaksanakan secara berterusan bagi memperluaskan skop pelaburan untuk mempelbagaikan kelas asset dan menarik sumber sumbangan yang baru.

Akhirnya, bagi pihak Panel KWAN, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada YBhg Datuk Siti Zauyah, yang telah bersara dari Naib Pengerusi KWAN dan Kementerian Kewangan (MOF) pada 2019. Panel KWAN ingin merakamkan penghargaan kepada beliau terhadap sokongan padu terhadap KWAN dan nasihat yang tidak ternilai dalam mengukuhkan tadbir urus KWAN.

Panel KWAN juga ingin mengalu-alukan perlantikan YBhg Dato' Asri Hamidon, Ketua Setiausaha Perbandaharaan, Kementerian Kewangan dan YBhg En Shahrul Kamal, Setiausaha Bahagian (Kewangan), Jabatan Perdana Menteri sebagai ahli baru Panel KWAN dan berharap dapat berkerjasama bagi memastikan kemampunan KWAN terpelihara.

**TAN SRI WAN ZULKIFLEE WAN ARIFFIN**

# AHLI-AHLI PANEL



**PENGERUSI**  
YBhg Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin



**TIMBALAN PENGERUSI**  
YBhg Dato' Asri Hamidin @ Hamidon



**AHLI PANEL**  
YBhg Datuk Abdul Farid Alias



**AHLI PANEL**  
YBhg Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus



**AHLI PANEL**  
Encik Shahrul Kamal



**SETIAUSAHA**  
Puan Nuraini Ismail



## Pengerusi

**Tan Sri Wan Zulkifle Wan Ariffin**, berumur 59 tahun, merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia daripada University of Adelaide, South Australia. Pada tahun 2000, beliau mengikuti INSEAD Senior Management Development Program dan pada tahun 2004 pula menghadiri Advanced Management Program di Harvard Business School. Beliau dianugerahkan gelaran Felo Kehormat oleh Institution of Chemical Engineers (IChemE), United Kingdom pada tahun 2005.

Beliau mula berkhidmat di PETRONAS pada tahun 1983 sebagai seorang jurutera proses dan terlibat dalam beberapa projek pembangunan loji pemerosesan gas. Selanjutnya, beliau turut menjawat beberapa jawatan kanan di dalam kumpulan PETRONAS, antaranya sebagai Pembantu Khas kepada Presiden di Pejabat Presiden, Pengurus Besar Bahagian Pengurusan Projek Antarabangsa di OGP Technical Services dan Pengurus Besar di Unit Strategi dan Pembangunan Perniagaan. Beliau juga dilantik sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS Gas Berhad, sebuah anak syarikat PETRONAS yang tersenarai di Bursa Malaysia dari tahun 2003 sehingga 2007, dan berkhidmat sebagai Naib Presiden, Urusniaga Gas dari tahun 2006 hingga 2010.

Pada tahun 2012, beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi PETRONAS selain memegang jawatan Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Urusniaga Hiliran. Beliau turut dilantik sebagai Pengerusi syarikat PETRONAS Chemicals Group Berhad dan PETRONAS Dagangan Berhad.

Tan Sri Wan Zulkifle dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS pada bulan April 2015.

Beliau kini turut memegang jawatan sebagai Pengerusi Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN), Ahli Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Pengerusi Jawatankuasa Audit ECERDC, Anggota Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) serta Pengerusi Jawatankuasa Audit NCIA.

Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Razak School of Government (RSOG), Ahli Lembaga Pemegang Amanah Anugerah Merdeka dan Ahli Majlis Penasihat bagi Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Beliau juga merupakan Ahli World Economic Forum (WEF) Stewardship Board of the Initiative on Shaping the Future of Energy, ahli WEF Oil & Gas Governors Forum dan WEF Oil & Gas Industry Action Group. Beliau juga dilantik sebagai Ahli Lembaga Ganti bagi Malaysia untuk Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) Business Advisory Council (ABAC). Beliau juga merupakan Pro-Canselor Universiti Teknologi PETRONAS (UTP). Beliau turut dilantik sebagai Profesor Adjung dan Ahli Majlis Penasihat Industri di Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM).



## Timbalan Pengerusi

**Dato' Asri Hamidin @ Hamidon** merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia.

Dato' Asri berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya dan mempunyai Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Hiroshima, Jepun. Beliau juga telah menghadiri Harvard Premier Business Management Programme.

Dato' Asri dilantik sebagai Penolong Pengarah dalam Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Badan Pencegah Rasuah dari 1994 ke 2003. Beliau juga telah dilantik sebagai Ketua Penolong Setiausaha dan Timbalan Setiausaha Bahagian dari 2006 ke 2015. Dato' Asri turut dilantik sebagai Setiausaha Bahagian di Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan dari 2015 ke 2018. Beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) dan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) dari 2018 ke 2020.



## Ahli Panel

**Datuk Abdul Farid Alias** merupakan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan / Pengarah Eksekutif Maybank. Beliau mula menyandang jawatan tersebut pada 2 Ogos 2013.

Datuk Abdul Farid berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Perakaunan), Pennsylvania State University dan juga Ahli Bertauliah, Asian Institute of Chartered Bankers. Beliau juga mempunyai Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), University of Denver dan telah menghadiri Advanced Management Programme di Harvard Business School.

Datuk Abdul Farid mempunyai lebih daripada 25 tahun pengalaman dalam perbankan pelaburan, kewangan korporat dan pasaran modal dengan syarikat modal besar tempatan dan multinasional termasuk Aseambankers Malaysia Berhad, Schroders, Malaysia International Merchant Bankers Berhad, J.P. Morgan dan Khazanah Nasional Berhad. Beliau telah dilantik sebagai Ketua, Antarabangsa Maybank dari 2009 ke 2010 dan Timbalan Presiden dan Ketua, Perbankan Global Maybank dari Julai 2010 ke Ogos 2013. Datuk Abdul Farid juga telah dilantik sebagai Pengarah di Maybank Investment Bank Berhad dari Jun 2011 ke Ogos 2017, Maybank Ageas Holdings Berhad dari November 2013 ke September 2017 dan Etiqa International Holdings Sdn Bhd dari April 2015 ke Ogos 2018. Beliau juga merupakan Ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dari Oktober 2013 ke Mei 2019.

Datuk Abdul Farid juga merupakan Pengerusi Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia, Naib Pengerusi, Asian Institute of Chartered Bankers dan Ahli Majlis Penasihat Pasaran Baru Muncul, The Institute of International Finance, Washington DC.



## Ahli Panel

**Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus** merupakan Gabenor Bank Negara Malaysia yang ke-9. Beliau mula menyandang jawatan tersebut pada 1 Julai 2018. Beliau juga adalah Pengurus kepada Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan.

Sebelum dilantik sebagai Gabenor, beliau berkhidmat sebagai Penolong Pengarah Bahagian Kewangan dan Pasaran Modal Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Datuk Nor Shamsiah memulakan kerjayanya di Bank Negara Malaysia pada tahun 1987 dalam pelbagai bidang yang meliputi pengawalan kehormatan, perundangan, dasar dan garis panduan bagi sektor kewangan dan penyeliaan. Beliau juga terlibat dalam inisiatif penyelesaian sektor kewangan semasa krisis kewangan Asia. Beliau turut memainkan peranan penting dalam persediaan dan pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan (2001-2010) dan Pelan Sektor Kewangan (2011-2020) yang mencorakkan pembangunan sistem kewangan di Malaysia.

Semasa menyandang jawatan sebagai Timbalan Gabenor pada tahun 2010 hingga 2016, Datuk Nor Shamsiah telah diberi tanggung jawab ke atas penyeliaan perbankan, insurans dan Takaful, perisikan kewangan dan penguatkuasaan, pengurusan bakat, kewangan dan perkongsian perkhidmatan di Bank Negara Malaysia. Beliau juga merupakan wakil Bank Negara Malaysia dalam Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel dan Pasukan Petugas Tindakan Kewangan.

Puan Nor Shamsiah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari University of South Australia, dan juga seorang Akauntan Bertauliah (CPA).



## Ahli Panel

**En Shahrul Kamal Osman** merupakan Setiausaha Bahagian Kewangan di Jabatan Perdana Menteri.

En Shahrul berkelulusan Ijazah Ilmu Wahyu & Pengetahuan dari Universiti Islam Antarabangsa dan mempunyai Diploma dalam Pentadbiran Awam dari INTAN. Beliau juga mempunyai Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

En Shahrul dilantik sebagai Penolong Setiausaha dalam pelbagai unit dan bahagian di Kementerian Kewangan dari tahun 1998 ke 2004. Beliau juga telah dilantik sebagai Ketua Penolong Setiausaha dalam Seksyen Infrastruktur dan Bangunan, Seksyen Khidmat Perundingan dan Unit Pengurusan dan Urus Setia dalam Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan dari 2006 ke 2012. En Shahrul turut dilantik sebagai Ketua Seksyen Pembangunan Dasar Perolehan dalam Sektor Dasar dan Khidmat Perundingan dari 2012 ke 2016.



## Setiausaha

**Puan Nuraini Ismail** ialah Naib Presiden Perbendaharaan, PETRONAS. Beliau merupakan Felo Association of Certified Chartered Accountants (ACCA) United Kingdom.

Puan Nuraini memulakan kerjaya di PETRONAS pada tahun 1992. Beliau pernah memegang pelbagai jawatan kanan dalam Kumpulan PETRONAS termasuk Pengurus Besar Kanan, Perbendaharan Kumpulan PETRONAS, Pengurus Besar, Perkhidmatan Perakaunan & Kewangan dan Pengurus Besar, Perkhidmatan Komersial Malaysian International Trading Corporation (MITCO) Sdn Bhd.

Puan Nuraini berpengalaman di dalam bidang perbendaharaan, audit, cukai, kewangan korporat, perancangan korporat, kaedah dan sistem, perakaunan pengurusan dan kewangan, belanjawan kumpulan, penyatuan kumpulan, perdagangan kewangan, kawalan kredit, pemulihan pinjaman, penganalisa kewangan, logistik dan operasi.

Sebelum menyertai PETRONAS, beliau pernah berkhidmat di dalam pelbagai organisasi termasuk Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Bumiputra Merchant Bankers dan Mayban Finance Berhad.

Puan Nuraini menyandang jawatan Ahli Lembaga Pengarah dalam beberapa syarikat Kumpulan PETRONAS. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Audit PETRONAS Dagangan Berhad, Setiausaha Agung Yayasan UTP dan Setiausaha Kumpulan Wang Amanah Negara.

# **MAKLUMAT LATAR BELAKANG**

## **OBJEKTIF DAN TUJUAN**

Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) telah ditubuhkan pada 18 Februari 1988 di bawah Akta KWAN 1988. Objektif penubuhan KWAN adalah untuk memastikan penggunaan optima hasil sumber-sumber asli Negara yang menyusut agar dapat memberi sumber pendapatan yang berterusan dan stabil demi faedah negara dan generasi akan datang.

Mengikut peruntukan Akta KWAN 1988, pihak-pihak yang wajar membuat sumbangan termasuklah Petroliam Nasional Berhad, negeri-negeri yang mendapat apa-apa bentuk royalti daripada eksplorasi petroleum atau sumber-sumber menyusut yang lain dan pihak yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan sumber-sumber alam semulajadi.

## **PENYELIAAN DAN PENGURUSAN**

Seperti yang termaktub di dalam Akta KWAN 1988, KWAN diselia oleh Panel Pemegang Amanah (Panel KWAN) yang dilantik oleh YAB Menteri Kewangan. Tanggungjawab pentadbiran dan pengurusan harian dana KWAN diamanahkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM).

## **PENGUNAAN DANA**


Seksyen 6 Akta KWAN memperuntukkan penggunaan dana KWAN. Sehingga kini, jumlah dana yang telah digunakan adalah RM42 juta untuk membiayai Projek Malaysia Wetland Sanctuary di Ulu Langat (projek pemeliharaan tanah dan ekosistem).

# LAPORAN PENGURUS DANA

## SEJARAH PENCAPAIAN PELABURAN KWAN

### PERLUASAN SKOP PELABURAN


Ringkasan perluasan skop pelaburan sejak penubuhan KWAN adalah seperti berikut:-



Sejak penubuhannya, skop pelaburan dana KWAN telah diperluaskan dari masa ke semasa, selaras dengan peningkatan saiz dana dan juga perubahan landskap pelaburan bagi mengukuhkan pulangan dan kepelbagai pelaburan KWAN.

## PERTUMBUHAN SAIZ ASET

Carta di bawah menunjukkan pertumbuhan saiz aset KWAN (tidak termasuk bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu) sejak tahun 2002:-



Berdasarkan Penyata Kewangan KWAN pada tahun 2019 yang telah diaudit, saiz aset (tidak termasuk bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu) setakat 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM17.8 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM1.7 bilion daripada RM16.1 bilion pada 31 Disember 2018. Pertumbuhan saiz aset sebanyak 5.1%<sup>1</sup> pada tahun 2019 adalah lebih tinggi berbanding 3.4% pada tahun sebelumnya. Peningkatan pulangan pelaburan sebanyak 4.1% (2018 :1.5%) dan juga sumbangan daripada PETRONAS yang berjumlah RM1.0 billion merupakan penyumbang utama pertumbuhan saiz aset.

<sup>1</sup> Metodologi pengiraan prestasi adalah berdasarkan purata pertumbuhan saiz dana selama tiga tahun (perbezaan nilai aset) termasuk tahun yang berkenaan. Untuk pengiraan pertumbuhan saiz dana bagi tahun 2019, saiz dana bagi tahun 2017, 2018 dan 2019 juga diambil kira.

## PELABURAN DAN PENGURUSAN DANA KWAN


Pelaburan KWAN adalah tertakluk kepada peruntukan Akta KWAN 1988 dan diluluskan oleh Menteri Kewangan. Untuk melaksanakan peruntukan Akta KWAN dengan berkesan, Panel KWAN telah merangka dasar dan garis panduan pelaburan bagi mengawalselia dan mengurus pelaburan KWAN. Strategi pelaburan dirangka berdasarkan jangkaan pulangan menerusi tinjauan makroekonomi dan mikroekonomi terhadap pasaran yang relevan dan kelas-kelas aset yang dibenarkan.

Bank Negara Malaysia bertanggungjawab terhadap pengurusan aktiviti-aktiviti pelaburan KWAN. Sebahagian besar dana KWAN diuruskan secara dalaman, manakala selebihnya diuruskan melalui program pengurusan dana luar<sup>2</sup> tempatan yang merangkumi bon korporat dan ekuiti.

Pelaburan KWAN dalam pasaran tempatan dan luar negara, adalah dalam pelbagai bentuk matawang dan kelas-kelas aset. Pelaburan dalam matawang asing adalah matawang Dolar Amerika, Euro, Paun Sterling, Dolar Australia, Dolar Singapura, Dolar Hong Kong, Rupiah Indonesia, Dolar New Zealand dan Rupee India.

Kelas aset yang dilaburkan termasuk simpanan tetap, sekuriti pendapatan tetap<sup>3</sup> dan Dana Bon Asia. Dalam pasaran tempatan, KWAN mempunyai pegangan ekuiti persendirian dalam Putrajaya Holdings Sdn Bhd di samping pelaburan dalam ekuiti awam melalui program pengurusan dana luar. Kelulusan yang berkenaan juga telah diperolehi untuk membolehkan KWAN memulakan pelaburan ke dalam Amanah Pelaburan Hartanah (REITs) global dan ekuiti global bagi mempelbagaikan pendedahan dan pulangan kelas aset KWAN.

Ringkasan skop pelaburan KWAN yang dibenarkan adalah seperti berikut:-



<sup>2</sup> Program pengurus dana dimulakan pada tahun 2006 dengan mandat bon korporat ringgit dan kemudiannya dikembangkan kepada ekuiti tempatan.


<sup>3</sup> Diterbitkan oleh kerajaan, agensi berkaitan kerajaan, supranasional dan korporat

# PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

## SAIZ ASET DAN KADAR PULANGAN

Setakat 31 Disember 2019, KWAN mempunyai jumlah aset (tidak termasuk bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu) sebanyak RM17,834.0 juta, dengan kadar pulangan purata tahunan sebanyak 4.1%. Peningkatan saiz dana dan pencapaian kadar pulangan atas aset KWAN sejak penubuhannya adalah seperti yang ditunjukkan dalam carta di bawah:-



TAHUN	SAIZ ASET (RM JUTA)	PULANGAN ATAS ASET (%)
1988	114.2	12.5
1989	227.0	7.6
1990	391.6	21.1
1991	545.9	11.8
1992	869.7	3.4
1993	1,071.6	10.6
1994	1,200.4	2.5
1995	1,400.3	7.8
1996	1,530.1	2.0
1997	1,902.3	15.9
1998	2,159.7	7.8
1999	2,324.8	2.9
2000	2,491.5	2.4
2001	2,681.1	3.9
2002	2,980.4	7.0
2003	3,408.3	10.3


TAHUN	SAIZ ASET (RM JUTA)	PULANGAN ATAS ASET (%)
2004	3,770.3	7.3
2005	3,870.3	0.0
2006	4,072.9	2.6
2007	4,299.4	3.0
2008	4,431.4	0.7
2009	4,898.7	8.2
2010	4,935.4	-1.3
2011	5,682.3	4.7
2012	6,988.6	4.8
2013	9,518.9	6.2
2014	12,036.6	4.7
2015	14,616.2	12.3
2016	15,408.9	4.7
2017	15,792.5	1.8
2018	16,131.2	1.5
2019	17,834.0	4.1

Purata sejak penubuhan

6.1

## KOMPOSISI MATAWANG

Komposisi matawang di KWAN setakat 31 Disember 2019 berbanding dengan tahun 2018 adalah seperti di bawah:-



Pelaburan dalam Dolar Amerika Syarikat telah meningkat kepada RM4,357.5 juta atau 24.4% dalam tahun 2019 (2018: RM3,849.3 juta atau 23.9%). Peningkatan dalam pelaburan Rupiah Indonesia kepada RM1,693.7 juta atau 9.5% pada tahun 2019 (2018: RM1,169.7 juta atau 7.3%) dan Rupee India kepada RM338.0 juta atau 1.9% (2018: RM128.5 juta atau 0.8%) adalah hasil daripada strategi perluasan kepelbagaiannya mata wang yang lebih tinggi. Sejajar dengan strategi ini, pelaburan dalam Dolar Australia telah dikurangkan kepada RM1,482.0 juta atau 8.3% pada tahun 2019 (2018: RM1,848.6 juta atau 11.5%).

## **KEDUDUKAN KEWANGAN**

Setakat 31 Disember 2019, jumlah aset KWAN (tidak termasuk bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu) berjumlah RM17,834.0 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM8,668.6 juta atau 48.6% (2018: RM8,381.7 juta atau 52.0%) dilaburkan dalam pasaran luar negara, terutamanya dalam bentuk sekuriti (kerajaan, agensi-agensi kerajaan, supranasional dan korporat). Pelaburan dalam matawang asing juga termasuk pelaburan Dana Bon Asia (ABF) dalam denominasi Dolar Hong Kong, telah berkurangan kepada RM115.2 juta (2018: RM262.5 juta) selepas penjualan sebahagian daripada pegangan. Perolehan jualan disasarkan untuk pelaburan semula ke matawang berpulangan tinggi seperti Rupiah Indonesia dan Rupee India.

Jumlah aset yang selebihnya sebanyak RM9,165.4 juta atau 51.4% (2018: RM7,709.6 juta atau 47.8%) telah dilaburkan di pasaran tempatan dalam bentuk sekuriti (kerajaan dan agensi-agensi kerajaan, supranasional dan korporat), simpanan tetap, pegangan saham dalam Putrajaya Holdings Sdn Bhd dan pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap dan ekuiti melalui program pengurusan dana luar.

Pada tahun 2019, KWAN telah mencatatkan lebihan selepas cukai sebanyak RM682.4 juta, kenaikan sebanyak RM428.8 juta atau 169.1% berbanding RM253.6 juta dalam tahun 2018. Sebahagian besar pendapatan disumbangkan oleh keuntungan bersih daripada Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi berjumlah RM77.9 juta (2018: kerugian sebanyak RM226.5 juta) dan pendapatan faedah sebanyak RM511.0 juta daripada Aset Kewangan Dipegang hingga Matang (2018: RM445.5 juta).

Selepas mengambil kira keuntungan daripada perubahan nilai saksama bersih Aset Kewangan Sedia-Dijual sebanyak RM16.7 juta (2018: kerugian RM9.7 juta), jumlah lebihan untuk agihan kepada pemilik amanah adalah sebanyak RM699.2 juta (2018: RM243.9 juta).

Semenjak ditubuhkan pada tahun 1988, KWAN telah berjaya memperolehi lebihan terkumpul (setelah mengambil kira Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual) berjumlah RM7,521.7 juta (2018: RM6,822.6 juta). Setelah mengambil kira sumbangan terkumpul daripada PETRONAS berjumlah RM10,300.0 juta, jumlah dana terkumpul pada 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM17,821.7 juta (2018: RM16,122.6 juta).

## **KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN**

Berdasarkan pegangan ekuiti dalam Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PJH) sebanyak 20%, PJH telah diiktiraf sebagai syarikat bersekutu KWAN dan dilaporkan menggunakan kaedah ekuiti di dalam penyata kewangan. Berdasarkan dasar perakaunan ini, di peringkat kumpulan, bahagian keuntungan PJH (selepas ditolak dividen dibayar kepada KWAN) dari tarikh pegangan sehingga tarikh laporan ditambah kepada kos pelaburan. Sehubungan dengan itu, nilai aset KWAN pada peringkat kumpulan untuk tahun 2019 adalah sebanyak RM19,183.4 juta (2018: RM17,390.5 juta).



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan Yang Disatukan pada 31 Disember 2019 dan Kumpulan, Penyata Prestasi Kewangan Yang Disatukan, Penyata Perubahan Dana Terkumpul Yang Disatukan serta Penyata Aliran Tunai Yang Disatukan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada Penyata Kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 24 hingga 46.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengudit Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Panel Pemegang Amanah Kumpulan Wang Amanah Negara bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Panel Pemegang Amanah Terhadap Penyata Kewangan**

Panel Pemegang Amanah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988. Panel Pemegang Amanah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan, Panel Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk menpengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan Penyata Kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Panel Pemegang Amanah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Panel Pemegang Amanah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Amanah Negara atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pegauditinan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Panel Pemegang Amanah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenali pasti semasa pengauditan.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 7 dalam penyata kewangan.

#### **Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Panel Pemegang Amanah berdasarkan Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



**(FARIZAH BINTI HARMAN)**

b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
31 MAC 2020



# **PENYATA AHLI PANEL**

## **KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA**

Kami, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin dan Dato' Asri Hamidon @ Hamidin, yang merupakan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Kumpulan Wang Amanah Negara, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Panel, Penyata Kewangan pada muka surat 24 hingga 46 telah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan hasil operasi serta aliran tunai bagi Kumpulan Wang Amanah Negara dan Kumpulan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Panel,

**TAN SRI WAN ZULKIFLEE WAN ARIFFIN**

PENGERUSI

**DATO' ASRI HAMIDON @ HAMIDIN**

TIMBALAN PENGERUSI

KUALA LUMPUR  
28 JANUARI 2020

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB

## KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA


Saya, Affendi Rashdi, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan pada muka surat 24 hingga 46 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di Kuala Lumpur )  
pada 28 Januari 2020 )  
                                    )

(  )

Di hadapan saya,

  
Pesuruhjaya Sumpah



# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN YANG DISATUKAN

PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	KUMPULAN		KWAN	
		2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
<b>Aset Semasa</b>					
Tunai dan Kesetaraan Tunai	4	1,566,631	3,142,351	1,566,631	3,142,351
Aset Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi	5	2,293,003	1,965,764	2,293,003	1,965,764
Aset Kewangan Sedia Dijual	5	115,226	262,451	115,226	262,451
Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang	5	1,171,759	1,411,879	1,171,759	1,411,879
Akaun Belum Terima	6	8,616	29,672	8,616	29,672
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b>5,155,235</b>	<b>6,812,117</b>	<b>5,155,235</b>	<b>6,812,117</b>
<b>Aset Bukan Semasa</b>					
Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang	5	12,238,782	8,839,256	12,238,782	8,839,256
Emas		–	39,836	–	39,836
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	7	1,789,362	1,699,320	440,000	440,000
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<b>14,028,144</b>	<b>10,578,412</b>	<b>12,678,782</b>	<b>9,319,092</b>
<b>Jumlah Aset</b>		<b>19,183,379</b>	<b>17,390,529</b>	<b>17,834,017</b>	<b>16,131,209</b>
<b>Liabiliti Semasa</b>					
Akaun Belum Bayar	8	12,276	8,627	12,276	8,627
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<b>12,276</b>	<b>8,627</b>	<b>12,276</b>	<b>8,627</b>
<b>Aset Bersih</b>		<b>19,171,103</b>	<b>17,381,902</b>	<b>17,821,741</b>	<b>16,122,582</b>
<b>Dana Terkumpul</b>					
Sumbangan Dana	9	10,300,000	9,300,000	10,300,000	9,300,000
Lebihan Terkumpul		8,877,975	8,105,504	7,528,613	6,846,184
Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual		(6,872)	(23,602)	(6,872)	(23,602)
<b>Jumlah Dana Terkumpul</b>		<b>19,171,103</b>	<b>17,381,902</b>	<b>17,821,741</b>	<b>16,122,582</b>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

# PENYATA PRESTASI KEWANGAN YANG DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	KUMPULAN		KWAN		
	Nota	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
<b>Pendapatan</b>					
Pendapatan Faedah daripada:					
Tunai dan Kesetaraan Tunai		69,748	75,899	69,748	75,899
Aset Kewangan pada Nilai Saksama					
Melalui Untung atau Rugi		28,319	24,053	28,319	24,0536
Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang		511,000	445,453	511,000	445,453
Pendapatan Dividen daripada:					
Aset Kewangan pada Nilai Saksama					
Melalui Untung atau Rugi		47,707	51,466	47,707	51,466
Aset Kewangan Sedia Dijual		4,507	3,705	4,507	3,705
Syarikat Bersekutu		–	–	52,800	52,800
Keuntungan/(Kerugian) Bersih daripada:					
Aset Kewangan pada Nilai Saksama					
Melalui Untung atau Rugi		77,880	(226,506)	77,880	(226,506)
Aset Kewangan Sedia Dijual		(8,235)	(4,780)	(8,235)	(4,780)
Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang		14,355	9,296	14,355	9,296
Emas		2,818	–	2,818	–
Mata Wang Asing		(69,940)	(131,568)	(69,940)	(131,568)
Pelunasan Premium dan Akresi Diskaun Bersih		(26,012)	(31,218)	(26,012)	(31,218)
Keuntungan daripada Syarikat Bersekutu		142,842	182,156	–	–
<b>Jumlah Pendapatan</b>		794,989	397,956	704,947	268,600
<b>Tambah</b>					
Rosot Nilai Aset Kewangan Dicatat Semula		–	7,382	–	7,382
<b>Pendapatan Bersih</b>		794,989	405,338	704,947	275,982

	KUMPULAN		KWAN		
	Nota	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
<b>Perbelanjaan</b>					
Yuran Pengurusan Dana Tempatan dan Yuran Kustodian		(13,615)	(15,019)	(13,615)	(15,019)
Yuran Audit		(36)	(33)	(36)	(33)
Perbelanjaan Lain		(341)	(559)	(341)	(559)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		(13,992)	(15,611)	(13,992)	(15,611)
<b>Lebihan bagi Tahun Sebelum Cukai</b>		<b>780,997</b>	<b>389,727</b>	<b>690,955</b>	<b>260,371</b>
Cukai	10	(8,526)	(6,726)	(8,526)	(6,726)
<b>Lebihan bagi Tahun Selepas Cukai</b>		<b>772,471</b>	<b>383,001</b>	<b>682,429</b>	<b>253,645</b>
<b>Pendapatan Komprehensif Lain</b>					
Perubahan Nilai Saksama Bersih dalam Aset Kewangan Sedia Dijual		16,730	(9,747)	16,730	(9,747)
<b>Lebihan Tahunan untuk Agihan kepada Pemilik Amanah</b>		<b>789,201</b>	<b>373,254</b>	<b>699,159</b>	<b>243,898</b>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

# PENYATA PERUBAHAN DANA TERKUMPUL YANG DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

## KUMPULAN

	<b>Sumbangan Dana RM'000</b>	<b>Lebihan Terkumpul RM'000</b>	<b>Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual RM'000</b>	<b>Jumlah RM'000</b>
Baki pada 1 Januari 2018	9,200,000	7,722,503	(13,855)	16,908,648
Sumbangan Dana Tahun Semasa	100,000	–	–	100,000
Lebihan bagi Tahun Semasa	–	383,001	–	383,001
Perubahan Nilai Saksama dalam Aset Kewangan Sedia Dijual	–	–	(9,747)	(9,747)
<b>Baki pada 31 Disember 2018</b>	<b>9,300,000</b>	<b>8,105,504</b>	<b>(23,602)</b>	<b>17,381,902</b>
Baki pada 1 Januari 2019	9,300,000	8,105,504	(23,602)	17,381,902
Sumbangan Dana Tahun Semasa	1,000,000	–	–	1,000,000
Lebihan bagi Tahun Semasa	–	772,471	–	772,471
Perubahan Nilai Saksama dalam Aset Kewangan Sedia Dijual	–	–	16,730	16,730
<b>Baki pada 31 Disember 2019</b>	<b>10,300,000</b>	<b>8,877,975</b>	<b>(6,872)</b>	<b>19,171,103</b>

## KWAN

	<b>Sumbangan Dana RM'000</b>	<b>Lebihan Terkumpul RM'000</b>	<b>Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual RM'000</b>	<b>Jumlah RM'000</b>
Baki pada 1 Januari 2018	9,200,000	6,592,539	(13,855)	15,778,684
Sumbangan Dana Tahun Semasa	100,000	–	–	100,000
Lebihan bagi Tahun Semasa	–	253,645	–	253,645
Perubahan Nilai Saksama dalam Aset Kewangan Sedia Dijual	–	–	(9,747)	(9,747)
<b>Baki pada 31 Disember 2018</b>	<b>9,300,000</b>	<b>6,846,184</b>	<b>(23,602)</b>	<b>16,122,582</b>
Baki pada 1 Januari 2019	9,300,000	6,846,184	(23,602)	16,122,582
Sumbangan Dana Tahun Semasa	1,000,000	–	–	1,000,000
Lebihan bagi Tahun Semasa	–	682,429	–	682,429
Perubahan Nilai Saksama dalam Aset Kewangan Sedia Dijual	–	–	16,730	16,730
<b>Baki pada 31 Disember 2019</b>	<b>10,300,000</b>	<b>7,528,613</b>	<b>(6,872)</b>	<b>17,821,741</b>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

# PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	<b>KUMPULAN / KWAN</b>	
	<b>2019</b> <b>RM'000</b>	<b>2018</b> <b>RM'000</b>
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi</b>		
Penerimaan Faedah daripada:		
Tunai dan Kesetaraan Tunai	69,748	75,899
Aset Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi	26,803	24,264
Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang	483,342	434,599
Penerimaan Dividen daripada:		
Aset Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi	47,705	51,881
Aset Kewangan Sedia Dijual	4,507	3,705
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	52,800	52,800
Pembelian Aset Kewangan	(3,229,179)	(106,989)
Penjualan/(Pembelian) Emas	42,654	(39,836)
Penurunan/(Peningkatan) dalam Akaun Belum Terima	18,481	(6,406)
Penurunan dalam Akaun Belum Bayar	(14,115)	(27,612)
Rosot Nilai Aset Kewangan Dicatat Semula	–	7,382
Cukai Pegangan	(8,526)	(6,726)
<b>Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi</b>	<b>(2,505,780)</b>	<b>462,961</b>
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan</b>		
Penerimaan Sumbangan Dana	1,000,000	100,000
<b>Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pembiayaan</b>	<b>1,000,000</b>	<b>100,000</b>
Kerugian Mata Wang Asing	(69,940)	(131,568)
<b>(Penurunan)/Peningkatan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai</b>	<b>(1,575,720)</b>	<b>431,393</b>
Tunai dan Kesetaraan Tunai Awal Tempoh	3,142,351	2,710,958
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tempoh</b>	<b>1,566,631</b>	<b>3,142,351</b>
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Merangkumi:</b>		
Baki Bank	15,670	45,630
Deposit Jangka Pendek dengan Institusi Kewangan	1,550,961	3,096,721
	<b>1,566,631</b>	<b>3,142,351</b>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

# **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## **1. Maklumat Am**

Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 (Akta KWAN 1988). Panel pemegang amanah yang dikenali sebagai Panel KWAN (Panel) dilantik bagi mentadbir KWAN.

Bank Negara Malaysia (BNM) diberi tanggungjawab untuk menguruskan operasi harian KWAN. Alamat pejabat urusan KWAN adalah di Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan KWAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 ini diluluskan oleh Panel pada 28 Januari 2020.

## **2. Kegiatan Utama**

Kegiatan utama KWAN adalah menerima sumbangan, memberi pembiayaan dan mengurus pelaburan berdasarkan peruntukan Akta KWAN 1988 dan garis panduan yang diluluskan oleh Panel bagi menjana sumber pendapatan yang berterusan dan stabil demi faedah negara dan generasi akan datang.

Kegiatan utama syarikat bersekutu KWAN iaitu Putrajaya Holdings Sdn Bhd adalah pembangunan harta tanah, pemajakan bangunan dan pelaburan. Alamat pejabat berdaftar Putrajaya Holdings Sdn Bhd adalah di Level 12, Menara PJH, No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama KWAN dan syarikat bersekutu pada tahun kewangan semasa.

## **3. Ringkasan Dasar Perakaunan Utama**

Dasar perakaunan utama yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan ini diuraikan di bawah. Dasar perakaunan ini digunakan secara konsisten untuk kedua-dua tahun kewangan yang dikemukakan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

### **3.1 Asas Penyediaan dan Persembahan Penyata Kewangan**

- (a) Penyata kewangan KWAN telah disediakan selaras dengan peruntukan di bawah Akta KWAN 1988 dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) berkaitan.

Penyata kewangan syarikat bersekutu KWAN iaitu Putrajaya Holdings Sdn Bhd telah disediakan selaras dengan peruntukan di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Akta Syarikat, 2016.

- (b) Persembahan penyata kewangan adalah selaras dengan peruntukan piawaian pelaporan kewangan berkaitan yang diluluskan di Malaysia. Penyata kewangan kumpulan disediakan dengan menyatukan penyata kewangan KWAN dengan syarikat bersekutu menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Penyata Aliran Tunai disediakan secara kaedah langsung.

### **3.2 Asas Perakaunan**

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan konvensyen kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya.

### **3.3 Mata Wang Fungsian dan Persembahan**

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsi KWAN dan semua nilai digenapkan kepada ribuan RM yang terhampir melainkan yang dinyatakan sepenuhnya.

Aset dan Liabiliti Kewangan dalam mata wang asing diterjemahkan kepada RM mengikut kadar pertukaran semasa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Urus niaga dalam mata wang asing di sepanjang tahun diterjemahkan kepada RM mengikut kadar pertukaran semasa pada tarikh transaksi.

Semua keuntungan atau kerugian mata wang asing daripada penyelesaian transaksi dan daripada penilaian semula pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan direkodkan dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai Keuntungan/(Kerugian) Bersih daripada Mata Wang Asing.

### **3.4 Penyatuan**

Penyata kewangan yang disatukan disediakan dengan menyatukan penyata kewangan KWAN dengan syarikat bersekutu menggunakan kaedah perakaunan ekuiti.

#### **Syarikat Bersekutu**

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana KWAN memegang ekuiti jangka panjang di antara 20% hingga 50% dan mempunyai pengaruh signifikan dalam membuat keputusan mengenai polisi kewangan dan operasi.

Pengaruh signifikan adalah kuasa untuk terlibat dalam membuat keputusan polisi kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukan untuk melaksanakan kawalan atas polisi tersebut.

Kewujudan dan kesan instrumen yang mempunyai potensi hak mengundi, yang boleh digunakan atau ditukarkan pada tarikh semasa diambil kira dalam menentukan sama ada KWAN mempunyai pengaruh signifikan ke atas entiti lain.

Kaedah perakaunan ekuiti digunakan bagi mengiktiraf pelaburan dalam syarikat bersekutu yang pada mulanya dinyatakan pada nilai saksama dan selanjutnya dilaraskan nilainya kepada nilai boleh diperoleh yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada.

Semua urus niaga dan baki antara syarikat telah dihapuskan dalam penyatuan.

### **3.5 Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada baki di bank, deposit dan pelaburan jangka pendek yang mempunyai tempoh matang asal tidak melebihi 3 bulan, mudah cair dan sedia ditukar kepada tunai dengan risiko perubahan nilai yang kecil.

### **3.6 Aset Kewangan**

#### **(a) Pengkelasan, Pengiktirafan dan Pengukuran**

KWAN mengkelaskan Aset Kewangannya berdasarkan kategori berikut: Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi, Sedia Dijual, Dipegang Hingga Matang dan Pinjaman dan Akaun Belum Terima.

##### **(i) Aset Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi**

Aset Kewangan yang dipegang untuk dagangan dikategorikan sebagai Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi. Aset kewangan yang dipegang untuk dagangan adalah aset yang diperoleh terutamanya untuk tujuan menjual atau membelinya dalam masa terdekat.

Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos urus niaga dibelanjakan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi seterusnya dibawa pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai 'Keuntungan/(Kerugian) Bersih daripada Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi' dalam tempoh di mana perubahan berlaku.

Semasa penyahiktirafan, perbezaan antara nilai dibawa dan harga ganjaran yang diterima daripada penjualan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai 'Keuntungan/(Kerugian) Bersih daripada Aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi'.

##### **(ii) Aset Kewangan Sedia Dijual**

Aset Kewangan Sedia Dijual adalah bukan derivatif yang sama ada ditetapkan dalam kategori ini atau tidak dikelaskan dalam mana-mana kategori lain. Pelaburan ini dimasukkan ke dalam aset bukan semasa kecuali pelaburan ini matang atau pengurusan berhasrat untuk menjualnya dalam tempoh 12 bulan dari akhir tempoh pelaporan.

Aset Kewangan Sedia Dijual diiktiraf pada nilai saksama, dan kos urus niaga dibelanjakan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Aset Kewangan Sedia Dijual kemudiannya dibawa pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama Aset Kewangan Sedia Dijual pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai 'Perubahan Nilai Saksama Bersih dalam Aset Kewangan Sedia Dijual'.

Semasa penyahiktirafan, perbezaan di antara nilai dibawa dan harga ganjaran yang diterima daripada penjualan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai 'Keuntungan/(Kerugian) Bersih daripada Aset Kewangan Sedia Dijual'.

### **(iii) Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang**

Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang adalah Aset Kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap yang KWAN mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang diukur pada kos pelunasan selepas kerugian kemerosotan nilai, jika ada. Pelunasan premium dan akresi diskau dikira dengan menggunakan kaedah faedah berkesan dari tarikh pembelian hingga matang.

Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang diiktiraf pada nilai saksama, dan kos urus niaga dibelanjakan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang kemudianya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan selepas kerugian rosot nilai, jika ada.

Semasa penyahiktirafan, perbezaan di antara nilai dibawa dan ganjaran yang diterima daripada penjualan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai 'Keuntungan/(Kerugian) Bersih daripada Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang'.

### **(iv) Pinjaman dan Akaun Belum Terima**

Pinjaman dan Akaun Belum Terima adalah Aset Kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Ia dimasukkan dalam aset semasa, kecuali untuk tempoh matang lebih daripada 12 bulan selepas akhir tempoh pelaporan dikelaskan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan Akaun Belum Terima terdiri daripada Penghutang dan Tunai dan Setara Tunai dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Pinjaman dan Akaun Belum Terima diukur pada kos pelunasan selepas kerugian kemerosotan nilai, jika ada.

## **(b) Rosot Nilai Aset Kewangan**

KWAN membuat semakan secara berkala sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan telah rosot nilai. Aset Kewangan dianggap rosot nilai apabila terdapat bukti objektif berdasarkan beberapa petunjuk yang berlaku selepas penilaian awal ke atas Aset Kewangan berkaitan yang memberi implikasi kepada jangkaan aliran tunai yang akan diterima pada masa hadapan daripada Aset Kewangan tersebut. Kriteria yang digunakan oleh KWAN untuk menentukan sama ada bukti objektif terhadap rosot nilai telah berlaku bagi Aset Kewangan termasuk petunjuk-petunjuk berikut:

- Penurunan kadar gred pelaburan;
- Penurunan nilai saksama yang signifikan atau secara berterusan;
- Kehilangan pasaran aktif; dan
- Kelewatan ketara atau kegagalan membayar amaun pokok/faedah berdasarkan tempoh yang dipersetujui.

Amaun rosot nilai dikira sebagai perbezaan antara nilai dibawa dengan nilai semasa anggaran aliran tunai yang akan diterima pada masa hadapan daripada aset kewangan tersebut. Nilai dibawa aset kewangan akan dikurangkan melalui akaun peruntukan rosot nilai dan amaun rosot nilai akan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Jika didapati bahawa amaun rosot nilai telah menurun sewaktu penilaian seterusnya dibuat dan penurunan ini boleh dihubung kait dengan bukti objektif selepas rosot nilai telah diiktiraf, rosot nilai tersebut dicatat semula dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Bagi Aset Kewangan Sedia Dijual, jumlah rosot nilai dikeluarkan daripada Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual dan diiktiraf sebagai rosot nilai dalam Penyata Prestasi Kewangan.

### **3.7 Emas**

Emas adalah aset bukan kewangan yang diktiraf pada kos. Perbezaan antara nilai dibawa dan harga ganjaran yang diterima daripada penjualan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai Keuntungan/(Kerugian) Bersih daripada Emas.

### **3.8 Liabiliti Kewangan**

Liabiliti Kewangan KWAN termasuk perbelanjaan terakru dan amaun belum bayar pelbagai diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila KWAN menjadi pihak dalam kontrak liabiliti kewangan berkenaan. Liabiliti Kewangan dinilai seterusnya pada kos terlunas.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila tanggungan yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau luput.

### **3.9 Sumbangan Dana**

Sumbangan Dana merupakan amaun dana yang diterima oleh KWAN menurut peruntukan Akta KWAN 1988 dan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

### **3.10 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan**

Pendapatan terdiri daripada ganjaran yang diterima atau akan diterima dalam aktiviti urus niaga biasa KWAN yang dinyatakan pada nilai saksama. KWAN mengiktiraf pendapatan berdasarkan asas akruan menerusi Penyata Prestasi Kewangan apabila amaun tersebut boleh dikira secara munasabah dan faedah ekonomi masa depan berkemungkinan mengalir masuk ke KWAN. Perbelanjaan yang terdiri daripada kos operasi dan sumbangan geran diiktiraf berdasarkan asas akruan menerusi Penyata Prestasi Kewangan.

#### **(a) Pendapatan Faedah**

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan asas akruan menggunakan kaedah faedah berkesan.

#### **(b) Pendapatan Dividen**

Pendapatan dividen daripada pelaburan ekuiti diiktiraf pada nilai kasar dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila hak KWAN untuk menerima bayaran telah disahkan.

#### **(c) Sumbangan Geran**

Sumbangan geran merupakan pemberian sumbangan oleh KWAN untuk penggunaan-penggunaan yang dibenarkan berdasarkan peruntukan Akta KWAN 1988. Sumbangan geran diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila pemberian pembiayaan tersebut telah diluluskan. Tiada sumbangan geran diberi oleh KWAN pada tahun kewangan semasa.

### **3.11 Anggaran dan Andaian Perakaunan Kritikal**

Dalam penyediaan penyata kewangan, pihak pengurusan dikehendaki membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mungkin memberi kesan kepada penggunaan dasar-dasar perakaunan dan jumlah yang dilaporkan bagi aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran.

Anggaran dan andaian disemak secara berterusan dan pelarasannya terhadap anggaran perakaunan diiktiraf dalam penyata kewangan pada tempoh di mana anggaran tersebut disemak dan mana-mana tempoh masa hadapan yang berkaitan.

### **3.12 Penentuan Nilai Saksama**

Nilai saksama instrumen kewangan adalah jumlah di mana aset kewangan boleh ditukar atau Liabiliti Kewangan dilangsaikan, antara rakan niaga dalam satu urus niaga telus.

Nilai saksama bagi instrumen kewangan yang mempunyai pasaran aktif ditentukan berdasarkan harga pasaran yang tersiar tanpa pelarasan. Jika instrumen kewangan berkenaan tidak mempunyai pasaran aktif, nilai saksama dianggarkan berdasarkan pelbagai kaedah yang menggunakan data pasaran yang boleh diperhatikan.

KWAN menentukan nilai saksama aset kewangannya berdasarkan polisi perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 3.6 dan hierarki berikut:

#### **Tahap 1**

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai Tahap 1 jika nilai saksamanya dapat diperhatikan dalam pasaran aktif. Instrumen berkenaan dinilai dengan merujuk kepada harga yang tersiar (tanpa pelarasan) untuk aset atau liabiliti yang sama dan sedia ada dalam pasaran aktif.

#### **Tahap 2**

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai Tahap 2 jika model penilaianya menggunakan input yang boleh diperhatikan dalam pasaran aktif.

#### **Tahap 3**

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai Tahap 3 jika penilaianya menggunakan input penting yang tidak berdasarkan data pasaran yang dapat diperhatikan.

#### **4. Tunai dan Kesetaraan Tunai**

	<b>KUMPULAN / KWAN</b>	
	<b>2019</b> <b>RM'000</b>	<b>2018</b> <b>RM'000</b>
Baki Bank	15,670	45,630
Deposit Jangka Pendek dengan Institusi Kewangan	1,550,961	3,096,721
	1,566,631	3,142,351

#### **5. Aset Kewangan**

	<b>KUMPULAN / KWAN</b>	
	<b>2019</b> <b>RM'000</b>	<b>2018</b> <b>RM'000</b>
Ekuiti Tersiar Harga	1,612,829	1,493,904
Dana Dagangan Bursa	115,226	262,451
Sekuriti Kerajaan Malaysia	2,039,938	1,171,194
Sekuriti Hutang Korporat	12,050,777	9,551,801
	15,818,770	12,479,350
	<b>KUMPULAN / KWAN</b>	
	<b>2019</b> <b>RM'000</b>	<b>2018</b> <b>RM'000</b>
Aset Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi	2,293,003	1,965,764
Aset Kewangan Sedia Dijual	115,226	262,451
Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang	13,410,541	10,251,135
	15,818,770	12,479,350

**(a) Aset Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi**

**KUMPULAN / KWAN**

	<b>2019</b> <b>RM'000</b>	<b>2018</b> <b>RM'000</b>
<u>Aset Semasa</u>		
Ekuiti Tersiar Harga	1,610,567	1,491,644
Sekuriti Kerajaan Malaysia	67,126	55,426
Sekuriti Hutang Korporat	605,819	410,721
Dividen Terakru	2,262	2,260
Faedah Terakru	7,229	5,713
	2,293,003	1,965,764

**(b) Aset Kewangan Sedia Dijual**

**KUMPULAN / KWAN**

	<b>2019</b> <b>RM'000</b>	<b>2018</b> <b>RM'000</b>
--	------------------------------	------------------------------

Aset Semasa

Dana Dagangan Bursa	115,226	262,451
---------------------	---------	---------

**(c) Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang**

	<b>KUMPULAN / KWAN</b>	
	<b>2019</b> <b>RM'000</b>	<b>2018</b> <b>RM'000</b>
<b>Aset Semasa</b>		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	74,882	35,025
Sekuriti Hutang Korporat	942,402	1,250,037
Faedah Terakru	154,475	126,817
	1,171,759	1,411,879
<b>Aset Bukan Semasa</b>		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	1,879,026	1,069,496
Sekuriti Hutang Korporat	10,359,756	7,769,760
	12,238,782	8,839,256
	13,410,541	10,251,135

**6. Akaun Belum Terima**

	<b>KUMPULAN / KWAN</b>	
	<b>2019</b> <b>RM'000</b>	<b>2018</b> <b>RM'000</b>
Jumlah Belum Terima daripada Bank Negara Malaysia	576	16,073
Jumlah Belum Terima daripada Broker	8,040	10,616
Jumlah Belum Terima daripada Institusi Kewangan	–	2,974
Prabayar Sewa Pajakan	–	9
Cukai Belum Terima	–	...
	8,616	29,672

## 7. Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu

Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu merupakan pelaburan ekuiti tidak tersiar harga sebanyak 20% di dalam Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PJH). Kegiatan utama PJH adalah pembangunan harta tanah, pemajakan bangunan dan pelaburan.

	KUMPULAN		KWAN	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
Pelaburan pada Kos	440,000	440,000	440,000	440,000
Bahagian Keuntungan Terkumpul (dibawa kehadapan)	1,259,320	1,129,964	—	—
Bahagian Keuntungan Tahun Semasa	142,842	182,156	—	—
Tolak: Dividen Diterima	(52,800)	(52,800)	—	—
	1,349,362	1,259,320	—	—
	<hr/> 1,789,362	<hr/> 1,699,320	<hr/> 440,000	<hr/> 440,000

Syarikat Bersekutu KWAN tidak diaudit oleh Ketua Audit Negara.

## 8. Akaun Belum Bayar

	KUMPULAN / KWAN	
	2019 RM'000	2018 RM'000
Jumlah Belum Bayar kepada Broker	10,609	6,837
Yuran Pengurus Dana Tempatan dan Yuran Kustodian	1,602	1,757
Yuran Audit	36	33
Jumlah Belum Bayar Lain-lain	29	—
	<hr/> 12,276	<hr/> 8,627

## **9. Sumbangan Dana**

**KUMPULAN / KWAN**

	<b>2019</b> <b>RM'000</b>	<b>2018</b> <b>RM'000</b>
Sumbangan Dana daripada: PETRONAS	10,300,000	9,300,000

## **10. Cukai**

KWAN dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan ke atas semua pendapatan bagi tahun taksiran 1989 dan tahun-tahun taksiran berikutnya seperti yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 22) 1991.

Pendapatan asing adalah tertakluk kepada kadar dan undang-undang perculaian negara berkenaan. Cukai merujuk kepada cukai pegangan tidak boleh dituntut atas pendapatan faedah daripada pelaburan asing.

## **11. Baki dan Urus Niaga Ketara Dengan Pihak Berkaitan**

Bagi tujuan penyediaan penyata kewangan ini, pihak-pihak dianggap mempunyai kaitan dengan Kumpulan sekiranya Kumpulan atau KWAN secara langsung atau tidak langsung, boleh mengawal pihak berkaitan atau mempunyai pengaruh yang ketara atas pihak yang membuat keputusan kewangan dan operasi atau sebaliknya atau di mana Kumpulan atau KWAN dan pihak berkaitan tertakluk kepada kawalan atau pengaruh yang sama. Pihak berkaitan mungkin individu atau entiti-entiti lain.

Pihak berkaitan dan hubungan mereka dengan Kumpulan atau KWAN adalah seperti berikut:

<b>Pihak Berkaitan</b>	<b>Hubungan</b>
Kerajaan Malaysia	KWAN ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 dan disenaraikan sebagai sebuah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Persekutuan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957.
Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS)	Dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia.
Putrajaya Holdings Sdn Bhd	Syarikat bersekutu (20%), seperti yang dinyatakan dalam Nota 7.
Bank Negara Malaysia (BNM)	BNM adalah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan hal ehwal KWAN seperti dinyatakan di bawah perenggan 3 (3) Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988.

Pihak berkaitan juga merangkumi kakitangan pengurusan utama yang didefinisikan sebagai mereka yang mempunyai kuasa atau tanggungjawab dalam merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Kumpulan atau KWAN secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama adalah merujuk kepada Panel KWAN dan mereka tidak menerima sebarang pampasan atau manfaat.

Urus niaga pihak berkaitan telah berjalan seperti mana perniagaan di bawah syarat-syarat perdagangan biasa. Baki dan transaksi ketara pihak berkaitan melibatkan Kumpulan dan KWAN adalah seperti berikut:

**Baki ketara dengan pihak berkaitan:**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>KWAN</b>	
	<b>2019</b> <b>RM'000</b>	<b>2018</b> <b>RM'000</b>	<b>2019</b> <b>RM'000</b>	<b>2018</b> <b>RM'000</b>
Kerajaan Malaysia:				
Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan				
Malaysia (MGS)	2,021,034	1,164,816	2,021,034	1,164,816
Pendapatan Terakru dari MGS	18,904	11,247	18,904	11,247
Putrajaya Holdings Sdn Bhd:				
Pelaburan dalam Instrumen				
Pelaburan Berpendapatan Tetap	65,183	65,224	65,183	65,224
Pendapatan Terakru dari Instrumen				
Pelaburan Berpendapatan Tetap	612	620	612	620

**Urus Niaga ketara dengan pihak berkaitan:**

	<b>KUMPULAN</b>		<b>KWAN</b>	
	<b>2019</b> <b>RM'000</b>	<b>2018</b> <b>RM'000</b>	<b>2019</b> <b>RM'000</b>	<b>2018</b> <b>RM'000</b>
Kerajaan Malaysia:				
Pendapatan dari MGS	68,795	23,796	68,795	23,796
Yuran Audit	(36)	(33)	(36)	(33)
Putrajaya Holdings Sdn Bhd:				
Pendapatan dari Instrumen				
Pelaburan Berpendapatan Tetap	3,285	3,302	3,285	3,302
Pendapatan Dividen	-	-	52,800	52,800

## **12. Pengurusan Risiko Kewangan**

Panel memantau penilaian, pengukuran dan kawalan risiko-risiko kewangan KWAN bagi memastikan risiko-risiko ini berada pada tahap yang boleh diterima dan memenuhi matlamat melindungi modal, mudah tunai dan pulangan. Risiko kewangan utama yang berada di bawah pengurusan risiko kewangan adalah seperti yang berikut:

### **(a) Risiko Pasaran**

Risiko pasaran ialah dedahan pelaburan KWAN terhadap perubahan negatif dalam harga pasaran yang berkaitan dengan kadar pertukaran mata wang asing, kadar faedah dan harga ekuiti. Risiko pasaran dipantau secara harian dan semua pelaburan serta instrumen akan dinilai mengikut pasaran. Pelaburan adalah berpandukan dasar tanda aras yang diluluskan oleh Panel, yang mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko-pulangan yang wajar. Pelaburan boleh dibuat dalam instrumen yang berbeza daripada tanda aras dan ia dikawal melalui satu set had pengurusan risiko dan garis panduan pelaburan yang juga diluluskan oleh Panel. Analisis kepekaan dan ujian ketahanan dijalankan untuk menilai risiko-risiko yang akan dihadapi dan kemungkinan kerugian yang ditaksirkan mengikut pasaran berikutnya perubahan negatif dan turun naik dalam pasaran.

#### **(i) Risiko Kadar Pertukaran Asing**

Risiko kadar pertukaran asing adalah risiko di mana nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan aset kewangan akan mengalami naik turun disebabkan oleh perubahan dalam kadar pertukaran mata wang asing. Jadual di bawah menunjukkan kedudukan aset dalam mata wang asing.

**KUMPULAN / KWAN**

	<b>2019</b>		<b>2018</b>	
	<b>RM'000</b>	<b>%</b>	<b>RM'000</b>	<b>%</b>
Australian Dollar	1,481,962	17	1,848,621	22
Chinese Yuan	–	–	54,822	1
EURO	411,866	5	443,965	5
Pound Sterling	190,561	2	444,881	5
Hong Kong Dollar	115,226	1	262,451	3
Indian Rupee	338,010	4	128,452	2
Indonesian Rupiah	1,693,682	20	1,169,695	14
New Zealand Dollar	65,066	1	90,755	1
Singapore Dollar	14,758	...	88,767	1
U.S Dollar	4,357,460	50	3,849,321	46
	<hr/> <hr/> 8,668,591	<hr/> <hr/> 100	<hr/> <hr/> 8,381,730	<hr/> <hr/> 100

Jadual di bawah menunjukkan kesan perubahan kadar pertukaran mata wang asing terhadap Penyata Prestasi Kewangan jika kadar pertukaran mata wang asing naik atau turun sebanyak 10% pada tarikh penyata kewangan, dengan andaian faktor-faktor lain tidak berubah.

#### KUMPULAN / KWAN

	2019 RM'000	2018 RM'000
Perubahan kadar pertukaran mata wang asing:		
Ringgit menyusut berbanding		
semua mata wang asing sebanyak 10%	866,859	838,173
Ringgit meningkat berbanding		
semua mata wang asing sebanyak 10%	(866,859)	(838,173)
	<hr/>	<hr/>

#### (ii) Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko di mana nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan aset kewangan akan mengalami naik turun disebabkan oleh perubahan kadar faedah.

KWAN terdedah kepada risiko kadar faedah melalui aset kewangan yang menerima aliran tunai berdasarkan kadar faedah seperti instrumen pelaburan berpendapatan tetap.

Harga tersiar instrumen pelaburan berpendapatan tetap berubah secara bertentangan dengan perubahan kadar faedah. Kenaikan dalam kadar faedah akan menyebabkan kejatuhan harga instrumen pelaburan berpendapatan tetap dan sebaliknya.

Jumlah aset pelaburan berpendapatan tetap (tidak termasuk faedah terakru) yang terdedah kepada risiko kadar faedah adalah seperti berikut:

#### KUMPULAN / KWAN

	2019 RM'000	2018 RM'000
Aset Kewangan pada Nilai Saksama		
Melalui Untung atau Rugi	672,945	466,147
Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang	13,256,066	10,124,318
	<hr/>	<hr/>
	13,929,011	10,590,465
	<hr/>	<hr/>

Kesan terhadap nilai saksama aset kewangan jika kadar faedah naik atau turun sebanyak 100 mata asas pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan adalah seperti berikut:

<b>KUMPULAN / KWAN</b>	<b>2019</b> <b>RM'000</b>	<b>2018</b> <b>RM'000</b>
Perubahan kadar faedah:		
Aset Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi		
+100 mata asas	(64,129)	(45,857)
-100 mata asas	64,129	45,857
Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang		
+100 mata asas	(12,909)	(10,022)
-100 mata asas	12,909	10,022

### **(iii) Lain-lain Risiko Harga**

Lain-lain risiko harga adalah risiko di mana nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan instrumen kewangan akan mengalami naik turun disebabkan oleh perubahan harga pasaran selain perubahan kadar pertukaran mata wang asing dan kadar faedah. Risiko ini adalah termasuk risiko perubahan harga ekuiti tersiar harga dan dana dagangan bursa.

Jadual di bawah menunjukkan jenis dan jumlah pelaburan (tidak termasuk dividen terakru) yang terdedah kepada risiko perubahan harga ekuiti pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

<b>KUMPULAN / KWAN</b>	<b>2019</b> <b>RM'000</b>	<b>2018</b> <b>RM'000</b>
Ekuiti Tersiar Harga	1,610,567	1,491,644
Dana Dagangan Bursa	115,226	262,451
	1,725,793	1,754,095

Jadual seterusnya menunjukkan kesan perubahan harga ekuiti terhadap Penyata Prestasi Kewangan dan Rizab Aset Kewangan Sedia Dijual jika harga ekuiti naik atau turun pada kadar 10% pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

#### **KUMPULAN / KWAN**

	<b>2019</b> <b>RM'000</b>	<b>2018</b> <b>RM'000</b>
Perubahan Harga Ekuiti:		
Ekuiti Tersiar Harga		
+10%	161,057	149,164
-10%	(161,057)	(149,164)
<hr/>	<hr/>	<hr/>
Dana Dagangan Bursa		
+10%	11,523	26,245
-10%	(11,523)	(26,245)
<hr/>	<hr/>	<hr/>

#### **(b) Risiko Kredit**

Risiko kredit ialah risiko kemungkiran oleh penerbit hutang atau kegagalan rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada KWAN yang menyebabkan KWAN tidak memperoleh pulangan pokok dan/atau faedah, mengikut tempoh yang sepatutnya. Satu rangka kerja risiko kredit berdasarkan penarafan yang komprehensif diwujudkan bagi mengawasi tahap dedahan kredit yang dibenarkan dalam pelaburan oleh KWAN. Ini memastikan pelaburan dibuat dengan penerbit dan rakan niaga yang mempunyai kedudukan kredit yang tinggi dan kebarangkalian mengalami kerugian adalah rendah. Rangka kerja yang diluluskan oleh Panel ini juga mengambil kira petunjuk kredit berdasarkan pasaran seperti penarafan yang berhasil daripada harga pasaran kewangan. Ini menambah baik rangka kerja kredit dengan menyediakan penilaian kredit yang lebih dinamik dan berpandangan ke hadapan.

KWAN terdedah kepada risiko kredit melalui pelaburan dalam instrumen berpendapatan tetap dan akaun belum terima.

Penarafan menunjukkan kemampuan kewangan penerbit di mana kadar AAA menunjukkan entiti berkenaan mempunyai kemampuan tinggi untuk memenuhi obligasi kewangannya manakala entiti yang mempunyai kadar BBB mempunyai risiko kegagalan untuk memenuhi obligasi kewangannya.

Jadual di bawah menunjukkan tahap pendedahan KWAN terhadap risiko kredit:

Gred Kadar	Aset Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi		Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang		Jumlah Pelaburan Berpendapatan Tetap	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
AAA	198,740	118,850	8,339,168	4,863,596	8,537,908	4,982,446
AA+	115,700	81,959	775,043	872,821	890,743	954,780
AA	32,936	19,365	911,731	1,144,690	944,667	1,164,055
AA-	275,865	199,910	449,696	473,137	725,561	673,047
A+	41,931	45,305	130,678	326,044	172,609	371,349
A	5,706	6,471	111,368	112,537	117,074	119,008
A-	9,296	–	914,955	1,170,232	924,251	1,170,232
BBB	–	–	1,777,902	1,288,078	1,777,902	1,288,078
	680,174	471,860	13,410,541	10,251,135	14,090,715	10,722,995

#### (c) Risiko Operasi

Risiko operasi bagi operasi perbendaharaan ialah risiko kerugian akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mencukupi, atau perkembangan dalaman atau luaran lain yang menjelaskan operasi. Risiko operasi dapat dikurangkan melalui rangka kerja tadbir urus yang mantap dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan. Satu mekanisme pengawasan risiko operasi yang menyeluruh telah diwujudkan untuk membantu usaha mengenal pasti risiko yang mungkin timbul dalam operasi perbendaharaan KWAN supaya tindakan dapat diambil bagi menguruskan jurang yang ada dan mengurangkan kerugian. Risiko perniagaan, seperti, perubahan persekitaran, teknologi dan industri diawasi melalui proses perancangan strategik KWAN.

#### (d) Risiko Kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada ketidakmampuan KWAN untuk memenuhi komitmen kewangan dan obligasi apabila sampai tempoh. KWAN sentiasa mengekalkan tahap kecairan aset yang secukupnya dalam bentuk tunai dan deposit dengan institusi kewangan bagi memenuhi kos operasi, komitmen kewangan serta obligasi lain. Tahap risiko kecairan adalah rendah kerana KWAN mempunyai obligasi kewangan yang rendah dan aset kewangan yang mempunyai mudah cair.

#### (e) Risiko Modal

Objektif KWAN dalam menguruskan modal adalah untuk melindungi keupayaannya dalam menjana pendapatan yang stabil dan berterusan. KWAN adalah tidak tertakluk kepada peraturan keperluan modal.

### 13. Nilai Saksama Aset dan Liabiliti

Nilai saksama Tunai dan Kesetaraan Tunai, Akaun Belum Terima dan Liabiliti-liabiliti Lain adalah merujuk kepada nilai bawaan berdasarkan tempoh matang yang singkat. Nilai saksama Aset Kewangan adalah merujuk kepada harga tersiar dalam pasaran aktif. Jadual di bawah menunjukkan nilai bawaan dan anggaran nilai saksama pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

#### KUMPULAN

	Nilai Bawaan		Nilai Saksama	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
<b>ASET</b>				
Tunai dan Kesetaraan Tunai	1,566,631	3,142,351	1,566,631	3,142,351
Aset Kewangan pada Nilai Saksama				
Melalui Untung atau Rugi	2,293,003	1,965,764	2,293,003	1,965,764
Aset Kewangan Sedia Dijual	115,226	262,451	115,226	262,451
Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang	13,410,541	10,251,135	13,899,363	10,275,140
Emas	–	39,836	–	39,836
Akaun Belum Terima	8,616	29,672	8,616	29,672
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	1,789,362	1,669,320	1,789,362	1,669,320
	<u>19,183,379</u>	<u>17,360,529</u>	<u>19,672,201</u>	<u>17,384,534</u>
<b>LIABILITI</b>				
Akaun Belum Bayar	<u>12,276</u>	<u>8,672</u>	<u>12,276</u>	<u>8,672</u>

#### KWAN

	Nilai Bawaan		Nilai Saksama	
	2019 RM'000	2018 RM'000	2019 RM'000	2018 RM'000
<b>ASET</b>				
Tunai dan Kesetaraan Tunai	1,566,631	3,142,351	1,566,631	3,142,351
Aset Kewangan pada Nilai Saksama				
Melalui Untung atau Rugi	2,293,003	1,965,764	2,293,003	1,965,764
Aset Kewangan Sedia Dijual	115,226	262,451	115,226	262,451
Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang	13,410,541	10,251,135	13,899,363	10,275,140
Emas	–	39,836	–	39,836
Akaun Belum Terima	8,616	29,672	8,616	29,672
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	440,000	440,000	440,000	440,000
	<u>17,834,017</u>	<u>16,131,209</u>	<u>18,322,839</u>	<u>16,155,214</u>
<b>LIABILITI</b>				
Akaun Belum Bayar	<u>12,276</u>	<u>8,672</u>	<u>12,276</u>	<u>8,672</u>

Nilai saksama aset dan liabiliti Kumpulan dan KWAN adalah berada pada nilai saksama Tahap 1 kecuali nilai saksama Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu yang berada pada Tahap 3.

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong.